

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat perjudian yang dibenarkan/halal oleh Kerajaan. Nyatakan bentuk-bentuk perjudian itu dan berapakah hasil atau cukai yang diperoleh oleh Kerajaan setiap tahun dari tahun 2013 sehingga sekarang.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat perjudian yang dibenarkan oleh Kerajaan bagi aktiviti kasino adalah Genting Malaysia Berhad. Manakala bagi pertaruhan nombor ramalan pula adalah Syarikat Sports Toto Malaysia Sdn Bhd, Syarikat Magnum Corporation Sdn Bhd, Sarawak Turf Club, Sandakan Turf Club, Syarikat Diriwan Corporation Sdn Bhd dan agen kepada Syarikat Pan Malaysian Pools Sdn Bhd. Sementara Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang, Kelab Lumba

Kuda Perak, Kelab Lumba Kuda Selangor, Kelab Lumba Kuda Sabah dan Kelab Lumba Kuda Sarawak bagi aktiviti lumba kuda. Selain dari itu, Kelab Syarikat dan Kelab Persatuan dibenarkan bagi mengoperasikan mesin slot serta Syarikat Pan Malaysian Sweeps Sdn Bhd bagi loteri awam.

2. Hasil yang dikutip daripada semua aktiviti perjudian (meliputi perlesenan, cukai perjudian dan duti pertaruhan) di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga 2015 berjumlah RM8.111 billion.